

Sukarelawan UPM, Kelab 4X4 Amal santuni Orang Asli Pos Lemoi

Program ziarah Ramadan



KUALA LUMPUR – Ki-
ra-kira 40 sukarelawan
Universiti Putra Malaysia
(UPM) bersama Kelab Amal
4X4 telah melaksanakan Pro-
gram Ziarah Ramadan bagi me-
nyemarakkan kedatangan bulan
puasa di Pos Lemoi, Cameron
Highlands, Pahang baru-baru
ini.

Penyelaras Program, Bukry-
man Sabri berkata, program
berbentuk khidmat masyarakat
yang diadakan selama dua hari
itu bertujuan membantu golon-
gan yang kurang bernasib baik
di samping memupuk budaya
bersedekah.

“Sumbangan juadah ma-
kanan untuk berbuka puasa
ini merupakan salah satu bukti
keprihatin sukarelawan untuk
memeriahkan suasana mereka
ketika menyambut bulan Rama-



ANTARA sukarelawan UPM bersama Kelab Amal 4X4 yang terlibat dengan aktiviti khidmat masyarakat di Pos Lemoi, Cameron Highlands, Pahang baru-baru ini.

dan ini.

“Kami menyediakan seba-
nyak 200 bungkus juadah ber-
buka yang dimasak secara ber-
gotong-royong untuk diberikan
kepada penduduk kampung Pos
Lemoi,” katanya.

Dalam pada itu, Bukry-
man memberitahu, cabaran
perjalanan ke perkampungan
itu yang perlu menempuh

lalan berbukit dan kawasan
hutan menjadikan program itu
sesuatu yang istimewa.

“Laluan untuk pergi ke
perkampungan Orang Asli
tersebut mengambil masa
dua jam dan terpaksa menaiki
kenderaan pacuan empat roda
kerana keadaan jalan yang
tidak begitu elok.

“Walaupun terpaksa me-

nempuh pelbagai rintangan un-
tuk ke perkampungan tersebut,
ia tidak sekali mematahkan se-
mangat sukarelawan untuk te-
rus berbakti kepada masyarakat
Orang Asli di sana,” katanya.

Bagi individu yang berhasrat
untuk menyalurkan sumbangan
dan berminat untuk melibatkan
diri dalam program seperti ini,
hubungi talian 019-3875249.